


MEMBUKA EPISOD BAHARU FELDA

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, atau lebih dikenali sebagai FELDA, merupakan projek tanah rancangan yang terbesar di dunia yang menjadi ikonik bukan setakat di Malaysia, tetapi pada peringkat antarabangsa. Idea penubuhan FELDA oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein, menjadikan agensi kerajaan ini memiliki keupayaan sebanyak 112 635 keluarga peneroka pada masa sekarang.

ROHAMI SHAFIE

Pensyarah Kanan Perakaunan Pusat Pengajian Perakaunan,
Tunku Puteri Intan Safinaz, Kolej Perniagaan,
Universiti Utara Malaysia.



Secara keseluruhannya, warga FELDA sebanyak dua juta orang kini menetap di 54 kerusi Parlimen atau 92 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di 317 tanah rancangan. Jumlah ini sudah cukup membuktikan betapa idea penubuhan FELDA oleh perdana menteri pada ketika itu memberikan banyak kebaikan kepada peneroka dan keluarga mereka. Jika tidak, mustahil begitu banyak peneroka kekal di bawah payung FELDA sehingga sekarang. Namun demikian, dek pelbagai cabaran, FELDA, yang kini menjadi syarikat perladangan terbesar di dunia melalui FELDA Global Venture Holdings Bhd. (FGV), sedang mengalami episod getir apabila FGV berhadapan dengan kesulitan kewangan. Syarikat yang disenaraikan pada tahun 2012 ini sedang bergelut untuk memperbaiki prestasi kewangannya untuk berada pada kedudukan yang lebih kukuh.

Ada cakap-cakap yang mencadangkan agar FGV dikeluarkan daripada Bursa Malaysia dan seterusnya menjadi syarikat persendirian. Namun begitu, khabar angin tersebut dinafikan sendiri oleh FGV kerana tidak menerima sebarang cadangan daripada pemegang sahamnya untuk merealisasikan cadangan ini. FGV perlu membuat analisis kos dan manfaat terhadap cadangan ini.

Yang dibimbangkan ialah sebarang tindakan yang tidak tepat akan merugikan FELDA dan pemegang saham lain, seperti Kumpulan Wang Persaraan (Kwap) dan Lembaga Tabung Haji. Meskipun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sudah meninggalkan FGV sebagai pemegang sahamnya, hal ini bukan bermakna FGV perlu mengambil tindakan untuk menyahsenaraikan sahamnya daripada Bursa Malaysia. Yang penting di sini, FGV perlu mengambil tindakan yang tepat dengan mengukuhkan operasinya melalui pendekatan pengurangan kos dan mengoptimalkan sumber tanah mereka dengan aktiviti penanaman semula kelapa sawit. Dengan kata lain, FGV perlu menggandakan pendapatan syarikat, dan sebaliknya mengurangkan perbelanjaan yang memberikan kesan terhadap keuntungan syarikat.

Tidak cukup dengan itu, isu lain yang berkaitan, seperti isu perumahan dan pelaburan FELDA, sedikit banyak membuka ruang kepada pihak luar untuk menyerang FELDA. Sebagai ekoran pelbagai isu itu, kerajaan mengumumkan pelantikan Tan Sri Shahrir Abdul Samad sebagai Pengerusi FELDA yang baharu. Pengumuman pelantikan Tan Sri Shahrir dibuat sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, pada 6 Januari lalu.

Tan Sri Shahrir bukanlah orang baharu dalam FELDA. Beliau pernah berkhidmat dengan FELDA semasa era Tun Abdul Razak, maka bolehlah dikatakan pelantikan beliau sebagai silih pulang ke gagang. Menurut perdana menteri, pelantikan tersebut merupakan penyusunan semula FELDA bagi membolehkan pembahagian tanggungjawab dilakukan



Tan Sri Shahrir Abdul Samad Pengerusi FELDA yang baharu.

yang melibatkan aspek kebijakan dan sosioekonomi peneroka dan perniagaan FELDA.

Sebaik-baik dilantik menggalas jawatan penting FELDA, Tan Sri Shahrir tidak menunggu lama apabila meminta kesemua ahli lembaga pengarah FELDA Investment Corporation (FIC) meletakkan jawatan mereka agar rombakan semula ahli lembaga pengarah dapat dilakukan dengan segera. Dalam hal ini, antara fokusnya untuk mengisi kekosongan ahli lembaga FIC, terutamanya melantik ketua pegawai eksekutif dan ketua pegawai pelaburan yang baharu bagi mengetuai pengurusan tertinggi FIC.

Sejak ditubuhkan pada 2 Julai 2013, FIC bertanggungjawab dalam hal ehwal pelaburan, terutamanya yang melibatkan perniagaan strategik, untuk menambah nilai kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan, terutamanya peneroka. Oleh itu, sesiapa sahaja yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah FIC perlu memainkan peranan mereka dengan lebih aktif, cekap dan berkesan agar FELDA mendapat keuntungan. Ahli lembaga pengarah tersebut mestilah terdiri daripada mereka yang pakar dalam selok-belok perniagaan dan mampu menjalankan tanggungjawab dengan berkesannya dalam aspek pelaburan.

Rombakan semula ahli lembaga pengarah membolehkan Tan Sri Shahrir mengambil tindakan selanjutnya bagi melaksanakan pelan pemulihannya agar FELDA berada pada landasan yang betul. Selain itu, tadbir urus yang baik, meliputi aspek ahli lembaga pengarah yang terbaik, berkesan dan cekap, membolehkan FELDA bergerak lebih ke hadapan, terutamanya ketika ketidakpastian ekonomi global dengan harga komoditi, seperti harga minyak sawit, masih tidak stabil. Ditambah lagi, aspek pelaburan FELDA di luar negara yang memerlukan perhatian segera oleh ahli lembaga pengarah baharu yang berkeupayaan memantau dan mengurus risiko pelaburan tersebut.

Yang cuba ditransformasikan oleh Tan Sri Shahrir ialah mengubah FIC seperti pelabur institusi bertindak sedemikian sebagai syarikat pelaburan. Maka rombakan semula ahli lembaga pengarah juga melibatkan penyusunan peranan FIC seperti syarikat pelaburan. Sudah tentulah

beliau memerlukan sebarang cadangan daripada pakar dalam bidang pelaburan sebegini untuk membentuk strategi baharu bagi pelaburan FELDA.

Sebarang pelaburan oleh syarikat pelaburan, seperti pelabur institusi, perlu mengambil kira cara keuntungan dapat dipulangkan kembali pada tahap yang lebih tinggi berbanding dengan kos pembelian sesuatu pelaburan. Dengan ini, barulah keuntungan boleh dijanakan oleh FIC, dan keuntungan ini dikembalikan kepada peneroka dan pemegang saham FELDA, serta pihak berkepentingan. FIC perlu fokus agar dapat menjalankan peranan yang lebih jelas sebagai syarikat pelaburan serta tidak melibatkan diri dalam hal ehwal yang yang tiada kaitan dengan pelaburan. Langkah untuk merombak semula ahli lembaga pengarah FIC di samping menyusun FIC merupakan langkah yang paling ditekankan oleh Tan Sri Shahrir untuk memulihkan semula kedudukan kewangan FELDA.

Oleh itu, Tan Sri Shahrir memerlukan pasukan yang kuat, mantap dan bijak, serta berintegriti bagi memulihkan FELDA. Dakwaan dan persepsi terhadap reputasi FELDA perlu dipulihkan segera. Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka kertas siasatan terhadap penangkapan lima orang pegawai dan mantan pegawai kanan FELDA, yang masih dalam siasatan, perlu diperhalus oleh FELDA. Hal ini dikatakan demikian kerana meskipun belum ada sebarang sabitan dibuat, persepsi masyarakat terhadap FELDA perlu dipulihkan dan keyakinan terhadap FELDA diperkukuh.

Hal inilah yang menjadi cabaran awal Tan Sri Shahrir untuk menyusun semula FELDA agar nama baiknya tetap terpelihara dengan mengambil pendekatan telus dalam tadbir urusnya. Hal ini berlaku demikian kerana tadbir urus yang baik akan menjulang semula kedudukan FELDA pada peringkat yang lebih baik. Sebagai antara langkah tadbir urus yang baik, Tan Sri Shahrir bertindak menubuhkan unit naziran bagi menyelesaikan masalah yang berlaku pada peringkat kebun peneroka.

Sebarang aduan yang dibuat memerlukan komitmen dalam kalangan ahli unit naziran bagi memastikan segala aduan ini dapat diselesaikan dengan baiknyanya dan memastikan nasib peneroka terbelah. Dengan kata lain, ahli naziran, termasuklah beliau yang merupakan pengerusi unit naziran, akan turun padang untuk menyelesaikan masalah peneroka.

Selain itu, antara langkah yang sedang dan akan dilakukan oleh Tan Sri Shahrir termasuklah menanganis isu pembiayaan rumah generasi kedua agar mereka dapat memiliki rumah. Dalam hal ini, FELDA berusaha menyelesaikan isu yang timbul kerana inisiatif pembiayaan swasta (PFI) yang dilaksanakan oleh dua buah syarikat bagi menyediakan projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF). Langkah ini diambil bagi membolehkan projek PGBF dapat dilaksanakan dengan baiknyanya tanpa membebankan generasi kedua peneroka.

Secara realitinya, Tan Sri Shahrir mengakui bahawa FELDA sedang mengalami kesulitan kewangan yang melibatkan masalah aliran tunai. Lataran itu, saham yang dimiliki FELDA dalam syarikat gergasi Malaysia, seperti Maybank, dijual untuk meningkatkan kecairan aliran tunai FELDA. Nilai saham Maybank berjumlah RM280 juta diumumkan untuk dijual, selain pengumuman lain yang dibuat olehnya untuk melupuskan aset luar negara. Sebagai permulaan, FELDA bercadang untuk menjual hartanahnya di London yang dianggarkan bernilai melebihi RM500 ribu bagi menampung kekurangan aliran tuainya. Penjualan ini merupakan keputusan perniagaan bagi membolehkan FELDA beroperasi pada tahap yang lebih baik. FELDA dijangka menjual lebih banyak lagi asetnya, terutamanya aset yang tidak memberikan sebarang keuntungan kepada FELDA.

Penjualan aset dan hartanah ialah langkah untuk menjadikan kesemua aset yang dimiliki FELDA memberikan nilai yang terbaik kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan. Langkah ini diambil bagi meningkatkan keupayaan kewangan FELDA pada tahap yang lebih kukuh. Begitu pun, hal ini bukan bermaksud FELDA berada pada ambang kemufilsan untuk melunaskan hutang atau untuk memastikan operasi perniagaan seperti biasa.

Yang berlaku ialah FELDA mengalami kesulitan kewangan dan pada masa yang sama, memiliki banyak aset yang, jika distrukturkan semula, mampu memulihkan semula kedudukan kewangan organisasi itu. Dengan kata mudah, FELDA yang sedang mengalami kesulitan kewangan tidaklah sehingga menyebabkannya tidak memiliki sebarang aset untuk memulihkannya.

Keadaan muflis hanya akan berlaku sekiranya sesuatu organisasi atau syarikat tidak mampu lagi beroperasi kerana mengalami kedudukan kewangan yang cukup parah dan ditambah lagi tidak memiliki sebarang aset yang bernilai untuk memastikan syarikat beroperasi seperti biasa. FELDA jauh daripada sebarang persepsi negatif kemufilsan kerana masih mampu membeli 37 peratus ekuiti PT Eagle High Plantations Tbk (EHP), sebuah syarikat minyak sawit Indonesia. EHP ialah antara syarikat terbesar di Indonesia yang terlibat dalam industri ini. Organisasi atau syarikat yang sedang berada pada ambang kemufilsan tidak mungkin mampu membeli saham syarikat lain.

Oleh itu, yang berlaku kepada FELDA tidaklah seteruk seperti yang digembar-gemburkan. FELDA hanya perlu diberi kesegaran agar dapat membuka episod baharu buaatnya. Tiada apa-apa yang lebih penting kecuali untuk meneruskan kesinambungan kejayaan FELDA yang selama ini banyak membantu kehidupan peneroka. FELDA perlu segera bertindak membetulkan persepsi dan menangani situasi semasa agar dapat meneruskan asas perjuangannya bagi membela nasib dan kebajikan peneroka. 